

MyCenTHE bantu tingkat graduan berkualiti

UB 07.08.2012 A6

KOTA KINABALU:
Pelancaran MyCenTHE (Pusat Pengajian Pelancongan dan Hospitaliti) di Sabah akan membantu meningkatkan graduan yang berkualiti bagi mengisipasaran kerja dalam bidang pelancongan dan hospitaliti.

Presiden MyCenTHE, Professor Madya Dr Wong Kong Yew berkata melalui usahasama yang dijalankan antara Kolej Inti dan dua hotel terkemuka di sekitar bandaraya ini, akan mengerakkan lagi Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Ia sekaligus dapat membantu menghasilkan graduan yang berkualiti bagi memenuhi tenaga kerja untuk industri pelancongan dan hospitaliti," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MyCenTHE, Kolej Inti, Hotel Hyatt Regency

dan Shangri-la Tanjung Aru Resort & Spa.

Wong berkata, pelancaran itu seiring dengan Lembaag a Pelancongan Sabah (STB) dalam mempromosikan industri pelancongan di negeri ini.

Majlis itu telah dilancarkan oleh Naib Canselor UMS, Professor Dr Harun Abdullah mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

"Kamigembira di bawah Dr Alan Lim (Pengetua Kolej Inti Sabah), kolej ini dapat menjalankan usahasama dengan dua hotel berkenaan.

Tujuan usahasama ini adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa program yang ditawarkan di Kolej Inti adalah diiktiraf oleh industri.

"Program ini turut menyediakan elauan

bulanan di bawah program pembelajaran berdasarkan kerja di mana 20 sehingga 30 peratus yuran ditanggung oleh industri pelancongan," tambahnya.

Menurut Wong, Kolej Inti juga telah bersetuju untuk mengekalkan yuran mereka supaya berpututan untuk pelajar.

"Dengan adanya bantuan pinjaman PTPTN, kami juga berjanji bahawa hampir 80 hingga 100 peratus daripada program pembelajaran berdasarkan kerja akan ditanggung di bawah inisiatif ini. Inilah yang akan memberi manfaat kepada masyarakat di negeri Sabah," katanya.

Beliau berkata, fokus sekarang lebih kepada kuantiti di bawah NKEA, dimana institusi di Malaysia telah melahirkan 13,000 graduan dalam bidang pelancongan dan hospitaliti pada tahun 2009.

Institusi pengajian tinggi di negara ini perlu

Oleh SURAIYAH ROSLAN
hadieyda18@yahoo.com

meingkatkan jumlah pelajar kepada 50,000 pada tahun 2020. Oleh itu, pelajar dengan kelayakan diploma dan ijazah juga perlu ditingkatkan daripada 13 peratus kepada 50 peratus pada tempoh yang sama.

"Buat masa ini, graduan di Sabah hanya menampung empat hingga tujuh peratus pekerja untuk industri berkenaan. Diharap dengan bantuan MyCenTHE, ia akan dapat meningkatkan peratusan graduan yang dilahirkan dalam bidang ini.

"Pada masa hadapan, mungkin kita akan bekerjasama dengan lebih banyak hotel lagi buat masa ini di peringkat perintis, kita akan laksanakan program ini terlebih dahulu," katanya.

Turut hadir Pengurus Besar Hotel Hyatt Regency, Arifin Darmawan dan Shangri-La Tanjung Aru Resort & SPA, Andrew Steel.

MyCenTHE Sabah Cluster Launch Ceremony



HARUN (tengah) menyaksikan wakil dari hotel dan Inti Kolej menandatangani MoU Arifin (kiri), Dr Alan (dua kiri) Wong (dua kanan) dan Andrew (kanan).